

Pastikan golongan 'maha kaya', warga asing tak nikmati subsidi - PN

Langkah apung harga ayam dan telur bagi memastikan manfaat subsidi hanya dinikmati rakyat yang berhak

KUALA LUMPUR


Langkah kerajaan membuat pengapungan harga ayam dan telur di pasaran antara lain bagi memastikan manfaat subsidi yang diberikan sebelum ini hanya dinikmati rakyat yang berhak, bukannya warga asing dan golongan maha kaya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, ini memandangkan sejak 2022, kerajaan telah mengeluarkan subsidi keseluruhan sebanyak RM3.7 bilion bagi menampung kos ayam dan telur.

Katanya, langkah itu turut membolehkan 3.5 juta warga asing menikmati subsidi berkenaan, selain 10 peratus golongan 'maha kaya' dalam negara.

"Melihat keadaan harga pasaran sekarang, bila harga itu kurang daripada harga siling seperti sekarang dan harga ayam dan telur di Thailand lebih rendah daripada Malaysia, maka tiba masanya kita apungkan.

"Kalau benar ada kekurangan kita akan cambahkan daripada



Anwar ketika bercakap pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat pada Selasa.

stok, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mempunyai 30 peratus stok ayam dan telur dan saya telah beritahu menteri untuk membeli dari Thailand andai kata ada keperluan," katanya di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab soalan Datuk Rosol **Wahid (PN-Hulu Terengganu)** yang meminta Perdana Menteri menyatakan jaminan kerajaan bahawa langkah mengapungkan harga ayam dan telur tidak akan membebankan rakyat yang sedang berhadapan dengan kos sara hidup yang tinggi.

Menjawab soalan tambahan Rosol mengenai kesan langkah tersebut kepada Indeks Harga Pengguna, Anwar berkata, setakat ini harga pasaran untuk ayam dan telur termasuk pasar borong masih dikira rendah.

Kepada soalan tambahan **Ahmad Fadhli Shaari (PAS-Pasir Mas)**, Anwar berkata, antara faktor

syarikat tempatan dan luar negara termasuk dari Thailand tidak bersedia melabur dalam industri ayam dan telur di negara ini adalah disebabkan campur tangan kerajaan dalam menentukan harga kedua-dua makanan itu.

"Campur tangan kerajaan dari segi harga menyebabkan mereka tidak bersedia, jadi sekarang ini kalau serah kepada pasaran (pengapungan harga) dan kalau rakyat susah, kita beri suntikan asing itu saya ingat ia akan beri ruang kepada syarikat untuk melabur.

"Kita harus jaga perimbangan ini, kalau terus dengan dasar sekarang, sudah berapa tahun ini tidak ada pelaburan baharu. Dia (pelabur) kata kita tidak boleh melabur kerana tidak tahu harga sejauh mana kerajaan boleh campur, oleh itu kerajaan buat sedikit penyesuaian pendekatan (pengapungan)," ujarnya. - *Bernama*

Kerajaan pertimbang pemberian subsidi menerusi pindahan tunai

KUALA LUMPUR - Kerajaan sedang mempertimbangkan pemberian subsidi kepada rakyat menerusi pindahan tunai bagi mengelak berlakunya ketirisan serta memberi manfaat kepada warga asing, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga Menteri Kewangan bagaimanapun berkata, pemberian secara pindahan tunai itu tidak boleh dilaksanakan untuk semua perkara, sebaliknya hanya beberapa urusan tertentu sahaja.

"Pendekatan sama ada secara langsung (pemberian subsidi) kepada rakyat melalui pindahan tunai, memang difikirkan dalam beberapa isu, yang ini kita akan umumkan lebih besar," katanya ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Mohd Shahar Abdullah (BN-Paya Besar)** yang ingin tahu sama ada kerajaan terbuka melaksanakan pemberian subsidi secara terus kepada rakyat menerusi pindahan tunai bagi mengelak sebarang ketirisan dalam pemberian subsidi.

Sementara itu, Anwar berkata, Vietnam dan Kemboja menunjukkan minat untuk berdagang menggunakan mata wang tempatan sebagai satu langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada dolar

Amerika Syarikat (AS).

"Malaysia merupakan negara ASEAN yang agresif mengurangkan kebergantungan kepada dolar AS dan setakat ini kita mendapat sambutan.

"Malah kita baru sahaja memeterai perjanjian di Sidang Kemuncak ASEAN tahun ini supaya negara lain seperti Vietnam dan Kemboja ikut serta.

"Kedua-dua negara itu (Vietnam dan Kemboja) telah memberi perakuan melalui perjanjian Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan (LCSF) yang dimeterai baru-baru ini," katanya ketika menjawab soalan **Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (BN-Parit Sulong)**.

Namun begitu, Anwar berkata, beberapa negara pedagang utama negara seperti Singapura yang merupakan rakan dagang utama negara di ASEAN belum menunjukkan minat untuk berdagang menerusi penyelesaian mata wang tempatan.

Bagaimanapun, Anwar percaya kejayaan ASEAN dan China mengguna pakai mata wang tempatan dapat mendorong negara lain untuk turut sama memanfaatkan penyelesaian itu di tengah-tengah sentimen lebih kukuh terhadap dolar AS. - *Bemama*